

Wang BR1M digunakan bukan pada keperluan

SHAH ALAM - Penganalisis ekonomi mendakwa peniaga mengaut untung daripada agihan Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M), yang disalurkan kerajaan sejak 26 Februari lalu.

Pensyarah Kanan Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Mohd Yusof Saari berkata, tinjauan secara atas talian mendapati wujud kecenderungan tinggi BR1M dibelanjakan ke atas barangan bukan makanan.

"Sejurus agihan BR1M fasa pertama di-

lakukan pada 26 Februari lalu, banyak peniaga yang menjual kelengkapan perabot dan gajet membuat promosi jualan, dan ada segelintir secara nyata menggunakan BR1M sebagai promosi jualan.

"Media sosial juga turut menggunakan BR1M sebagai promosi untuk berbelanja kepada barang bukan keperluan," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Beliau yang juga Ketua Laboratori Kaedah Kuantitatif Analisis Dasar, Institut Kajian Dasar

Pertanian dan Makanan, UPM berkata, BR1M efektif meringankan beban kos hidup jika ianya dibelanjakan ke atas barangan keperluan asas terutamanya makanan seperti beras, gula dan minyak masak.

Keadaan ini bagaimanapun dijangka sukar berlaku kerana kelemahan sistem BR1M yang diberi secara tunai.

"Tinjauan mendapati tiada pula peniaga-peniaga yang membuat promosi jualan barangan makanan seperti beras dan ikan se-

lepas BR1M diagihkan.

"Maka wajarlah BR1M perlu ditambah baik dengan menggantikan bayaran tunai kepada bentuk kupon atau kad debit kepada penerima yang layak," katanya.

Mohd Yusof berkata, bagi menyokong ekonomi digital, penggunaan kad debit adalah lebih efektif berbanding kupon kerana nilai di dalam kad debit boleh disalurkan secara bulanan dan ianya hanya boleh dibelanjakan ke atas barangan keperluan asas sahaja.